

**ARCA RAMLAN ABDULLAH: PELANCONGAN KESENIAN ARCA AWAM
RAMLAN ABDULLAH SCULPTURE: PUBLIC SCULPTURE ART TOURISM**

*Syed Alwi Syed Abu Bakar¹,
Aznan Omar^{2*},
Hilal Mazlan³,
Azian Tahir⁴,
Nur Mohd Amin Hashim Amir⁵*

aznan760@uitm.edu.my

*^{1,2,3,4,5} Kolej Pengajian Seni Kreatif, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Perak, Kampus
Seri Iskandar, Perak, Malaysia.*

Tarikh dihantar: 18 Oktober 2022 / Tarikh diterima: 10 November 2022 /

Tarikh terbit: 15 November 2021

<https://doi.org/10.51200/ga.vi>

ABSTRAK

Pelancongan budaya membina hubungan erat antara seni dan masyarakat. Pengurusan yang baik dan mampan mampu merealisasikan sesuatu acara berjalan dengan baik. Pameran arca awam merupakan satu acara yang sangat istimewa dan merupakan pameran arca awam yang pertama diadakan di negeri Perak dan kedua di Malaysia selepas Kuala Lumpur. Acara ini penting menjadi sebahagian daripada ekonomi pelancongan negara. Penyelidikan ini menggunakan pendekatan kajian kes untuk menilai keberkesanan pameran arca awam Ramlan Abdullah di Laman Arca, Universiti Teknologi MARA (UiTM), Perak. Aktiviti utama dalam penyelidikan ini adalah pemerhatian terhadap keterlibatan pengunjung terhadap arca awam Ramlan Abdullah. Selain itu, data-data sedia ada juga dirujuk. Pameran ini boleh dianggap sebagai satu aktiviti baharu yang memberi inspirasi kepada aktiviti pelancongan negeri Perak. Pengunjung yang datang terdiri daripada pelbagai usia. Aktivi pameran arca awam ini meninggalkan pengalaman yang unik kepada pengunjung. Ia boleh dibawa ke lokasi lain untuk dihayati oleh masyarakat setempat.

Kata kunci: Seni, arca awam, pengurusan, pelancongan.

ABSTRACT

Cultural tourism strengthens the connection between art and society. Good and sustainable management is able to ensure the success of an event. This is the first public sculpture exhibition held in the state of Perak and the second public sculpture exhibition held in Malaysia after Kuala Lumpur. This event is essential to the country's tourism industry. The effectiveness of Ramlan Abdullah's public sculpture display at Laman Arca, Universiti Teknologi MARA (UiTM), Perak is evaluated using a case study methodology. The primary objective of this study is to observe how visitors interact with Ramlan Abdullah's public sculpture. Furthermore, the facts that present are also discussed. This exhibition might be viewed as a fresh endeavour that stimulates tourism in the state of Perak. There are a range of ages among visitors. This

public sculpture show offers guests a one-of-a-kind experience. It can be transported to different sites so that the local population can experience it.

Keywords: Art, public sculpture, management, tourism.

PENGENALAN

Pelancongan budaya (seni arca awam) menawarkan pelbagai kemungkinan, cabaran, peluang dan pendekatan kepada aktiviti pelancongan. Aktiviti pelancongan seni arca awam ini boleh menjadi satu daya tarikan kepada rakyat Malaysia dalam bidang pelancongan kebudayaan. Tidak ada persoalan bahawa pengalaman pelancongan yang berjaya direka, diurus dan dipasarkan merupakan penentu kritikal kejayaan destinasi dalam pasaran pelancongan yang sangat kompetitif (Sotiriadis, M. & Gursoy, D. (Ed.), 2016: 507-528). Pemasaran dan pengurusan pelancongan perlu membina hubungan yang lebih erat daripada yang difikirkan oleh kebanyakan orang supaya pengalaman pelancongan seni arca awam dapat diurus dan benar-benar memenuhi jangkaan pelancong selepas lawatan mereka. Oleh itu, aspek pemasaran bersepadu adalah penting untuk mencapai pelancongan budaya yang mampan. Sehubungan dengan itu, di Malaysia kajian mengenai pelancongan seni arca awam sangat kurang diketengahkan dengan melihat secara terperinci bagaimana pengurusan dan pemasaran acara seni arca awam boleh dipertingkatkan supaya pengalaman dapat disimpan segar agar boleh dijadikan daya tarikan untuk acara seterusnya. Secara tidak langsung, ia mewujudkan satu sistem ekologi sambil menarik lawatan baharu dan lawatan berulang pelancong. Komuniti dan ekologi seni bergantung pada aktiviti dan pengalaman yang mereka hasilkan. Oleh hal yang demikian, adalah penting agar aktiviti dan pengalaman ini mendapat lebih banyak penelitian oleh ahli akademik yang mana boleh menjadikan pelancongan budaya mampan sebagai salah satu bidang penyelidikan utama mereka.

Seni arca awam adalah suatu aktiviti yang sangat istimewa yang menggambarkan bagaimana proses kreatif bentuk seni tertentu dipersembahkan. Memahami dengan lebih meluas berkaitan alam semula jadi dan ekologi kesihatan seni boleh mencapai kelestarian berhubung dengan aktiviti seni arca awam. Secara umumnya, aktiviti seni arca awam perlu mengekalkan kelebihan kreatif mampan, yang mana mempunyai beberapa ciri yang perlu dipenuhi. Penyelidikan ini akan

mengguna pakai aktiviti sosial, budaya, manusia dan ekonomi sebagai subjek kajian. Hal ini bagi mengelak salah faham dalam kalangan seniman yang kurang berminat dengan aspek pengurusan dan pentadbiran dalam menguruskan aktiviti seni mereka (Syed Alwi, 2017). Menggunakan pakai aktiviti di atas sebagai subjek kajian akan dapat meningkatkan peluang kepada seniman arca awam dan merapatkan jurang antara masyarakat dan kesenian arca awam. Seterusnya, ia dapat meningkatkan aktiviti pelancongan seni arca awam.

Aktiviti atau pameran seni adalah sebahagian daripada aktiviti semula jadi ekonomi seniman. Ia mempamerkan rentak budaya atau sinergi kreatif pada tempat tertentu. Dalam literatur tentang industri kreatif, peristiwa dan pengalaman artistik dalam konteks perjalanan, definisi pengalaman konferensi masih berkembang (Kay & Polonsky, 2010). The United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization (UNESCO) menggambarkan festival sebagai "aktiviti lazim yang menstrukturkan kehidupan masyarakat dan dikongsi kepada masyarakat". Selain sumbangannya terhadap pembangunan ekonomi dan pelancongan, ia juga patut dipertimbangkan sebagai produk pelancongan destinasi yang praktikal. Namun begitu, keseimbangan antara seniman tempatan dan luar harus dijaga. Ia bagi menjaga sosio ekonomi dan kelangsungan seniman tempatan untuk terus berkarya.

Menurut Pine dan Gilmore (1998) dalam kajian Professor Noel Scott dan Stephen Clark mendapati kegiatan seni merupakan sebahagian penting daripada ekonomi pelancongan yang mana semakin berkembang dan menunjukkan rentak budaya tertentu atau sinergi kepada seni kreatif. Program IMCAT 2016 dengan tema "Destinasi Pelancongan" dan meraikan kreativiti seniman visual, menggambarkan acara berpameran sebagai satu budaya praktikal yang sangat penting secara sosial, selain sumbangannya terhadap pembangunan ekonomi dan pelancongan (Rohana Mohd Yusof, 2017: 5, Senikini #25).

Penyelidikan ini akan menjadikan pameran arca awam di Laman Arca@UiTM Perak sebagai kajian kes yang mana akan menggunakan sosial, budaya, manusia dan ekonomi sebagai subjek kajian. Pameran arca awam oleh Ramlan Abdullah ini bermula dari bulan Januari 2022 dan dijangka akan berakhir pada Ogos 2022 yang memberi inspirasi dan kelainan pengalaman dalam aktiviti pelancongan seni budaya di persekitaran Perak Tengah, Perak. Tujuan utama adalah untuk melihat bagaimana aktiviti pelancongan di Laman Arca@UiTM Perak dapat mengekalkan serta mempertingkatkan dan memperkembangkan aktiviti pelancongan tempatan secara

berterusan. Penyelidik menggunakan kaedah observasi bagi mendapatkan maklumat yang diperlukan. Ia merupakan kali pertama subjek kajian dengan kaedah ini digunakan untuk mengkaji keberkesanan dan kepentingan ekologi seni tempatan sebagai satu peluang pelancongan budaya (seni arca awam). Ia boleh dijadikan sebagai satu batu loncatan untuk mencetuskan satu peluang atau ruang serta boleh dijadikan satu panduan strategi untuk tujuan pelancongan seni arca awam.

Kajian Literatur

Karya arca Ramlan Abdullah telah dipamerkan pertama kali di Publika, Kuala Lumpur selama dua bulan sebelum dibawa ke UiTM Perak, Kampus Seri Iskandar. Karya arca ini merupakan karya arca konstruktivisme yang berstruktur. Terdapat lima buah karya kesemuanya iaitu Sundail, Aryan, Ayden, Dwi-cakra dan Seed. Karya Ayden pernah dibawa dan dipamerkan di Pantai Selatan Australia (Sharmiza, 2021). Karya-karya ini dipamerkan di kawasan terbuka yang mana saiznya agak besar serta sebagai tatapan masyarakat sekeliling. Pameran sebegini membuka peluang kepada industri pelancongan budaya yang jarang diadakan. Tugu Negara dan Laman Asia merupakan contoh yang terbaik dalam industri pelancongan untuk membangunkan atau mengembangkan industri pelancongan budaya. Bab ini bertujuan untuk menggariskan pendekatan pelbagai disiplin untuk membentangkan kajian kes dalam perspektif baharu. Bidang utama di mana acara seni memerlukan perhatian yang tinggi untuk dihasilkan, ketelitian dan mengekalkannya sebagai satu bentuk pameran seni arca awam.

Seni Lokal, Kualiti Global

Konsep glokalisasi berasal dari penelitian terkait dengan mengkaji interaksi setempat dengan budaya global dalam masyarakat dengan situasi lokal (Benyamin, M. F., & Prasetia, A. R., 2015). Namun, ia digunakan bagi menunjukkan budaya global di mana "peristiwa yang terbukti sangat berhasil di satu tempat dapat digunakan di tempat lain, menarik perhatian ahli ekologi seni lokal dan antarabangsa. Mempelajari lebih banyak tentang posisi global dan sokongan sesuatu acara penting untuk memahami situasi yang memungkinkan bagi keunggulan artistik. Modal kreatif yang ada pada kreativiti dan proses kreatif penting bagi mencapai kestabilan sesebuah acara berdasarkan lokasi dan kesesuaiannya. Penglibatan dan kekuatan komuniti seni yang menyokong situasi tersebut dan bagaimana perkara itu dapat dilihat sebagai titik

perhubungan dengan komuniti ini dalam ekologi seni (Nurul Ashiqin, 2017). Sesuatu aktiviti yang berjaya memerlukan banyak seniman dan aktiviti artistik yang signifikan. Selanjutnya, kejayaan hanya akan datang jika hubungan yang sihat dan kuat serta keseimbangan local ataupun antarabangsa dipertahankan (du Cros & Jolliffe, 2011).

Strategi Pemasaran

Penjenamaan dan imej merupakan perkara penting yang perlu diberi perhatian dalam pemasaran. Jenama memberi impak yang tinggi kepada sesuatu pemasaran iaitu dengan jenama yang dikenali akan memudahkan dan meyakinkan khalayak untuk menyertai, menghadiri atau mendapatkannya. Menurut Towse, R., & Hernández, T. N. (Eds.). (2020), pencarian penonton untuk sesuatu acara seni memerlukan satu kajian berkaitan dengan impak kehadiran penonton pada sesuatu acara. Dalam bidang seni, status seseorang seniman sangat memainkan peranan dalam proses pemasaran. Terdapat juga pendapat yang menyatakan bidang seni visual ini memerlukan metrik ukuran lain seperti kajian tindak balas media sosial (Charoensukmongkol, P., & Sasatanun, 2017). Bagi memastikan sesuatu acara itu dapat mewujudkan jenama yang baik pihak penganjur atau penyelidik perlu mengumpul maklumat asas berkaitan demografi dan psikografi penonton (du Cros, H. 2017). Acara berorientasikan kepentingan awam seperti yang mempunyai tujuan tempatan dan pendidikan intensif, akan mencari data mengenai kesedaran seni dan keperluan pendidikan masyarakat tempatan (du Cros, H. (2016). Bagi mendapatkan maklumat secara tuntas, sesuatu organisasi atau penganjur boleh melantik sukarelawan atau pelajar sebagai sebahagian daripada ahli jawatankuasa. Namun begitu, agak sukar untuk mendapatkan maklumat yang lengkap secara total sekiranya kajian hanya dilakukan secara dalam talian. Tidak dapat dinafikan penyertaan secara bersemuka akan memberi lebih impak kepada sesuatu penyelidikan.

Kekuatan Strategi

Bagi memastikan kejayaan dalam sesuatu aktiviti, perancang yang teliti amat diperlukan. Strategi memainkan peranan dalam menarik penonton untuk datang dan menyertainya. Strategi yang unik biasanya secara teori mampu menarik minat penonton untuk hadir. Elemen luar biasa dan dinamik mampu memasarkan atau mempromosi sesuatu acara. Pengkhususan penonton juga perlu diambil perhatian

sebagai contoh sekiranya penonton hanya kepada golongan seni atau masyarakat setempat (Richards, G., 2002). Sokongan dari institusi kerajaan dan swasta sangat diharapkan kerana menjadi sokongan yang kuat untuk persekitaran tertentu. Pameran seni arca awam kebanyakannya dimiliki oleh agensi-agensi swasta yang telah lama bertapak dan mempunyai sumber kewangan yang kukuh. Kebanyakan pameran arca awam kebiasaannya hanya menggunakan modal insan dan institusi kerajaan yang berkaitan dengan seni. Ia perlu diperbesarkan seperti mana pameran karya arca awam “Connectivity” yang diadakan di Kuala Lumpur dan di Laman Arca@UiTM Seri Iskandar, Perak. Pembangunan acara dengan keunikan strategi memerlukan persekitaran yang menyeluruh. Seterusnya, ia diharapkan mampu disinambungkan kepada pameran arca awam di lokasi lain (Pollock, V. L., & Paddison, R. 2010). Memastikan keunikan pada sesuatu acara pengetahuan dan konsep yang menarik juga merupakan satu aspek penting. Ia akan mampu membentuk idea baharu, pembinaan pengetahuan baharu dan gabungan aplikasi dalam talian yang menarik.

Keberkesanan Pengurusan Acara

Keberkesanan dan kejayaan sesuatu acara bergantung kepada keprofesionalan pengurusan dan pelaksanaan. Pengurusan dan pelaksanaan yang kreatif mampu memastikan kelangsungan sesuatu acara. Penilaian terhadap kreativiti pengurusan dan pelaksanaan acara ini akan menentukan sama ada acara tersebut boleh diteruskan atau terhenti (Foley, McGillivray, & McPherson, 2009; Vogel, 2011). Terdapat empat aspek utama yang perlu diberi perhatian bagi memastikan sesuatu acara berjalan dengan lancar dan teratur. Empat aspek utama tersebut adalah konsep, pengurusan masa, kesinambungan dan tenaga kerja. Pihak pengurusan perlu memastikan kesesuaian konsep serta proses pemilihan seniman, karya, aktiviti dan kemudahan diuruskan dengan baik dan sempurna. Perancangan tugas dan ketetapan tempoh masa yang ideal akan membantu melancarkan acara dan proses kerja berpasukan. Bagi memastikan kelancaran sesuatu acara kesinambungan antara penaja, rakan kongsi dan ahli jawatankuasa sangat diperlukan. Dalam masa yang sama, pihak pengurusan perlu menjaga kebajikan tenaga kerja dengan memastikan mempunyai sumber-sumber keperluan yang mencukupi terutamanya dari segi kewangan, keselamatan, latihan dan kelangsungan kerja terjamin (Syed Alwi, 2017).

Aspek di atas memerlukan perhatian sebelum, semasa, dan selepas acara untuk menambah baik pengurusan acara secara berterusan. Penilaian berterusan, terutamanya bagi acara-acara yang berulang adalah sangat diperlukan bagi memastikan ia berada pada landasan yang betul dan terus mendapat sambutan daripada penaja, penonton dan sokongan agensi-agensi setempat. Karya arca Laman Arca@UiTM Perak oleh Ramlan Abdullah akan dikaji dan dijadikan model untuk acara seterusnya.

METODOLOGI

Pameran arca awam Ramlan Abdullah di Laman Arca@UiTM Perak dijadikan subjek kajian. Pameran ini bermula dari Januari 2022 dan dijangka tamat pada Ogos 2022. Penyelidik merupakan salah seorang daripada ahli jawatankuasa penganjur yang mempunyai keterlibatan secara langsung dan boleh mendapatkan maklumat secara terus. Data dikumpul melalui pemerhatian secara berterusan. Dalam masa yang sama, maklumat juga diperolehi dari pameran sebelumnya iaitu pameran “Connectivity” yang diadakan di Publika, Kuala Lumpur yang mana penyelidik meluangkan masa seharian membuat pemerhatian terhadap aktiviti sepanjang persekitaran. Penyelidik juga menganalisis maklumat dari aktiviti perasmian dan bengkel yang diadakan sepanjang pameran arca ini. Output turut dianalisis dari katalog pameran “Connectivity” dan data dalam talian yang dibangunkan oleh penganjur.

Pembangunan Konsep yang Unik

Latar belakang Kolej Seni Kreatif (KPSK) yang dahulunya dikenali sebagai Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka, telah bertapak di Perak sejak tahun 1996. Fakulti yang mempunyai pakar rujuk, seniman dan tenaga pengajar yang berwibawa dan mempunyai komited yang tinggi untuk menjadikan karya seni sebagai satu hasil yang dapat dihayati dan dihargai oleh masyarakat adalah satu kelebihan dan kebanggaan. Setelah lebih 25 tahun bertapak di Perak dengan kepelbagaian aktiviti kesenian yang disumbangkan seperti pameran seni visual, lukisan mural di Taiping, Batu Gajah dan beberapa agensi kerajaan seperti bangunan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan sekolah-sekolah di sekitar Perak. Pameran arca awam di Laman Arca@UiTM Perak merupakan satu anjakan besar yang dibuat oleh KPSK, UiTM Kampus Seri Iskandar, Perak yang mana ia melibatkan seorang seniman negara yang

mempamerkan karya arca di tempat awam. Ia menjadikan pameran ini sangat penting kepada sejarah negara yang menjadikan arca awam sebagai satu daya tarikan pelancong ke negeri Perak.

Misi pameran arca awam Ramlan Abdullah ini terhasil apabila kurator dari Galeri Al-Biruni, Dr. Aznan Omar memohon secara rasmi kepada pengarca untuk membawa karya-karya arca beliau ke Perak. Diilhamkan dari acara seni arca awam di luar negara, pihak UiTM, Perak telah beberapa kali mencadangkan beberapa kawasan di sekitar Perak Tengah sebagai mercu tanda dengan arca awam. Namun, ia kurang mendapat sokongan daripada pihak berkuasa tempatan dan swasta. Hasil usaha keras ahli jawatankuasa Laman Arca, UiTM Perak, maka pameran arca pertama di negeri Perak berjaya diadakan. Ia merupakan pengalaman ikonik dan percuma untuk masyarakat di sekitar Daerah Perak Tengah umumnya dan negeri Perak amnya untuk menghayati keindahan dan keunikan seni arca awam. Masyarakat persekitaran dapat mengambil bahagian dalam aktiviti sosial dan budaya yang unik serta dapat mencipta pengalaman yang menyeronokkan tanpa perlu mengeluarkan kos. Keunikan pameran ini adalah ia dipersembahkan kepada orang awam sepanjang hari tanpa perlu mendaftar atau membayar tiket. Peserta juga diberi kesempatan untuk mempelajari dan boleh berkomunikasi melalui aplikasi secara dalam talian yang dihasilkan oleh pihak penganjur yang mana aplikasi ini bertujuan untuk mendapatkan data dan pendedahkan orang awam kepada “apa itu arca awam?”.




Foto 1 Aplikasi dalam talian “Connectivity Alami”

Persekitaran dan Pengalaman Penghayat

Pameran arca awam di Laman Arca@UiTM Perak diadakan pada tahun 2022 yang menampilkan enam karya yang dihasilkan oleh seniman negara Ramlan Abdullah. Beliau merupakan seorang pengarca yang konsisten dari segi penghasilan arca. Beliau juga merupakan seorang tenaga pengajar di UiTM, Shah Alam yang telah melahirkan

ramai pengarca muda. Terkini, adalah empat orang pengarca muda yang mengikuti program residensi di Ramlan Art Gallery yang menghasilkan karya arca dari pelbagai bahan.

Karya arca “Connectivity” ini berjaya dibawa ke Perak atas inisiatif kurator galeri Al-Biruni dan beberapa pensyarah di Jabatan Seni Halus, Kolej Seni Kreatif, UiTM Perak, Cawangan Seri Iskandar dengan sokongan YB Dato’ Mohd Nizar bin Haji Zakaria, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Parit. Perbelanjaan yang digunakan adalah sebanyak RM3000.00 bagi kos pengangkutan karya dari Kuala Lumpur ke Seri Iskandar, manakala RM2000.00 lagi adalah untuk perasmian dan pelbagai keperluan lain.

Walau bagaimanapun, untuk pameran kali ini pihak penganjur hanya dapat menjangkakan pameran ini sehingga bulan Ogos 2022 sahaja. Namun begitu, ia juga bergantung kepada keperluan pengarca untuk memindahkan karya arca tersebut ke tempat lain. Dalam pada itu, pihak penganjur telah menjalankan beberapa aktiviti bagi memeriahkan pameran arca awam ini, termasuklah bicara bersama pengarca, aktiviti bersama pelajar sekolah serta masyarakat setempat. Dalam masa yang sama, pihak penganjur telah membangunkan satu aplikasi yang mana ia merupakan aplikasi pertama seumpamanya. Aplikasi ini dibangunkan bagi membolehkan penghayat berinteraksi dengan penganjur dalam bentuk akademik. Dalam aplikasi tersebut juga terdapat unsur-unsur pembelajaran yang mana penghayat diberi manual untuk menghasilkan karya arca dengan menggunakan bahan semula jadi yang terdapat di persekitaran tempat pameran. Penghayat juga boleh memuat naik gambar hasil karya yang dihasil.



Foto 2 Aktiviti bersama pelajar




Foto 3 Antara hasil karya yang dimuat naik

Laman arca@UiTM, Perak ini merupakan pameran arca awam yang pertama di negeri Perak. Hasil pemerhatian penyelidik selama beberapa minggu mendapati ada pengunjung yang melawat pameran ini setiap hari. Kebanyakannya datang pada waktu petang. Mereka merangkumi pelbagai peringkat umur. Situasi ini merupakan satu kejayaan yang memberangsangkan yang boleh diambil perhatian oleh pihak berkuasa tempatan dalam merangka aktiviti seumpamanya pada masa hadapan.



Foto 4 Pengunjung berinteraksi bersama karya arca

Pameran arca awam ini telah berjaya menarik perhatian penduduk setempat apabila menjadi buah mulut kepada pengunjung yang datang ke UiTM, Perak. Selain dari itu, arca awam ini juga menjadi tempat tarikan untuk pengunjung mengambil gambar kenang-kenangan. Secara tidak langsung, ia juga memberi impak yang positif kepada aktiviti pelancongan di Perak Tengah.

Sehingga kini, tiada lagi tempat yang menganjurkan pameran arca awam secara tidak kekal di Perak. Seperti mana sedia maklum pameran ini adalah untuk tujuan pelancongan dan pendedahan kepada masyarakat setempat juga kepada agensi-agensi kerajaan dan swasta tentang potensi yang terdapat pada karya-karya arca awam. Disebabkan oleh pameran ini diadakan di institut pengajian tinggi, maka ia juga adalah bertujuan akademik yang boleh dijadikan rujukan oleh para pelajar.

Hasil pemerhatian yang dilakukan oleh penyelidik mendapati ramai pelancong tempatan yang mengambil gambar sebagai kenangan. Terdapat juga kanak-kanak yang menjadikan persekitaran arca sebagai taman mainan mereka dan ada juga yang bergayut pada arca. Pengalaman ini bagaimanapun bergantung kepada pengalaman, status pendidikan dan keadaan cuaca. Apabila keadaan cuaca hujan maka, jumlah pelancong juga akan berkurangan. Kekaguman terus terpancar pada wajah-wajah pengunjung apabila angin bertiup bila mana terdapat beberapa arca yang bergerak mengikut kekuatan angin.

Pengalaman sentuhan dan interaksi antara pengunjung dan arca ini telah mewujudkan satu persepsi yang menarik walaupun ramai dalam kalangan pengunjung tidak mempunyai pengetahuan berkaitan seni arca. Melalui acara yang dijalankan, ia merupakan satu-satunya pameran arca awam yang diadakan di luar Lembah Klang dengan caj kemasukan adalah percuma. Pameran arca awam ini juga merupakan satu-satunya acara yang menawarkan aktiviti pelancongan seumpamanya.

Potensi Pelancongan

Pameran arca awam di Laman Arca@UiTM, Perak merupakan acara atau aktiviti yang sangat baik apabila ia berjaya mengatasi permasalahan pameran arca awam dan pelancongan budaya. Daya tarikan yang dipersembahkan menjadi faktor utama kejayaan pameran ini. Saiz karya dan bahan yang digunakan juga menarik perhatian pengunjung. Pengalaman menyentuh arca-arca ini menjadi pengalaman sepanjang hayat pengunjung untuk mengenali dan memahami apa itu arca awam serta fungsinya.

Lawatan-lawatan dari institusi pendidikan sekitar Perak juga berjaya memeriahkan dan memberi pengalaman baharu kepada para pelajar.

Walau bagaimanapun, kekurangan promosi menjadi antara faktor kurangnya pelancong dari luar datang ke pameran ini. Walaupun terdapat lebih daripada 50 orang pengunjung setiap hari, dapatan penyelidikan menunjukkan kebanyakan pelancong adalah pelancong tempatan dan berulang.

Pameran ini akan menjadi lebih berkesan sebagai satu aktiviti pelancongan budaya sekiranya mendapat sokongan dari agensi-agensi kerajaan seperti Majlis Daerah, Kementerian Pelancongan dan agensi-agensi swasta. Kos perbelanjaan merupakan cabaran utama yang dihadapi oleh penganjur. Sekiranya semua agensi boleh bergabung dan menyokong pameran arca awam ini adalah tidak mustahil suatu hari nanti pameran arca awam menjadi satu daya tarikan pelancong luar negara seperti mana yang telah dilakukan di beberapa negara Asia dan Eropah.

KESIMPULAN

Pengalaman segar dan memberi inspirasi kepada pelancong pada pameran arca awam di Laman Arca@UiTM, Perak ini telah meninggalkan kesan yang besar kepada pengunjung. Walau bagaimanapun, kekurangan pengunjung dari luar serba sedikit mencacatkan pameran ini, selain daripada kekurangan promosi. Namun begitu, timbul persoalan adakah pameran arca awam sementara ini dapat diteruskan pada masa hadapan? Berdasarkan bukti yang diperoleh oleh penyelidik, pameran ini berisiko untuk dikekalkan atau dibawa ke lokasi lain. Ketiadaan sumber kewangan, tenaga kerja yang terlatih dan sokongan agensi-agensi setempat menambahkan lagi kemungkinan yang pameran ini akan berakhir di UiTM, Perak. Secara keseluruhan, kepentingan ekologi seni global untuk sokongan pameran ini merupakan faktor utama keberkesanan pameran ini.

Kajian ini merupakan yang pertama seumpamanya maka, data-data yang diperoleh hasil daripada pemerhatian penyelidik menjadikan data-data ini sangat berguna dan boleh dijadikan contoh untuk acara seterusnya. Namun begitu, kajian yang lebih teliti boleh dijalankan dengan mengumpul pelbagai maklumat daripada pengunjung dan agensi-agensi setempat dalam tempoh masa yang lebih panjang. Sepatutnya acara ini menjadi lebih jelas sekiranya ia mempunyai kaedah yang lebih khusus untuk menilai kekuatan dan kelemahan Laman Arca@UiTM, Perak. Hasil

penyelidikan yang lebih jelas akan dapat mengekalkan acara pelancongan budaya dengan tumpuan kreativiti dalam jangka masa yang lama.

RUJUKAN

- Benyamin, M. F., & Prasetia, A. R. (2015). Glokalisasi karya seni batik Indonesia sebagai strategi komunikasi multikultural dalam Era Komunitas Asean.
- Charoensukmongkol, P., & Sasatanun, P. (2017). Social media use for CRM and business performance satisfaction: The moderating roles of social skills and social media sales intensity. *Asia Pacific Management Review*, 22(1), 25-34.
- du Cros, H. (2016). *Cultural and experiential tourism*. In *The Handbook of Managing and Marketing Tourism Experiences*. Emerald Group Publishing Limited.
- du Cros, H. (2017). The evolving nature of commercial art fairs. *Exhibitions, Trade Fairs and Industrial Events* (pp. 51-63). Routledge.
- du Cros, H., & Jolliffe, L. (2011). Bundling the arts for tourism to complement urban heritage experiences in Asia. *Journal of Heritage Tourism*, 6(3), 181–195.
- Foley, M., McGillivray, D., & McPherson, G. (2009). *Policy, politics and sustainable events*. In M. J. Stabler (Ed.), *Tourism and Sustainability: Principles to Practice* (pp. 13–21). New York, NY: CAB International.
- Kay, P., & Polonsky, M. (2010). Creative industries and experiences: Development, marketing and consumption. *Tourism, Culture and Communication*, 10(3), 181–186.
- Morris, N., & Cant, S. (2007). Engaging with place: Artists, site-specificity and the Hebden bridge sculpture trail. *Social and Cultural Geography*, 7(6), 863–888.
- Nurul Ashiqin. (2017). Penglibatan komuniti dalam system tagal di Kampung Luanti Baru, Ranau, Sabah, Universiti Malaysia Sabah.
- Pine, B. J., & Gilmore, J. H. (1998). Welcome to the experience economy. *Harvard Business Review*, 76(4), 97-105.
- Pollock, V. L., & Paddison, R. (2010). Embedding public art: Practice, policy and problems. *Journal of Urban Design*, 15(3), 335-356.
- Preez, K., & Bailey, J. (2010). *Artistic reflection kit. A guide to assist arts organizations to reflect on artistic vibrancy and measure their artistic achievements*. Canberra: Australia Council for the Arts.
- Quinn, B. (2006). Problematizing ‘festival tourism’: Arts festivals and sustainable development in Ireland. *Journal of Sustainable Tourism*, 14(3), 288–306.
- Richards, G. (2002). Tourism attraction systems: Exploring cultural behavior. *Annals of Tourism Research*, 29(4), 1048-1064.
- Rohana Mohd Yusof. (2017). 1MCAT2016, Senikini#25, Balai Seni Visual Negara, Kuala Lumpur, hlm. 5.
- Social practices, rituals and festive events, UNESCO (n.d), Retrieved from <https://ich.unesco.org/en/social-practices-rituals-and-00055> on 20 August 2022.
- Sotiriadis, M., & Gursoy, D. (Ed.). (2016). Conclusions: Issues and challenges for managing and marketing tourism experiences. *The Handbook of Managing and Marketing Tourism Experiences*. (Pp.507-528). Bingley: Emerald Group Publishing Limited, Bingley, pp. 507-528.

- Syed Alwi, & Syed Abu Bakar. (2017). Faktor-faktor yang mempengaruhi proses penghasilan karya dalam kalangan pengarca muda di Malaysia. Tesis PhD. (Tidak diterbitkan), University Malaya, Kuala Lumpur.
- Towse, R., & Hernández, T. N. (Eds.). (2020). *Handbook of cultural economics*. Cheltenham, UK: Edward Elgar Publishing.